

# Kes demam denggi naik 11.6 peratus

**Kuala Lumpur:** Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-48 tahun ini dari 27 November hingga 3 Disember meningkat sebanyak 11.6 peratus iaitu 1,935 kes berbanding 1,734 pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan dua kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada ME ke-48.

Beliau berkata kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah 58,239 kes berbanding 24,049 kes bagi tempoh sama tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 142.2 peratus manakala 39 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 19 kematian bagi tempoh sama

pada 2021.

“Sebanyak 53 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 54 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 24 hotspot berada di Selangor, Sabah (16), Kuala Lumpur dan Putrajaya (10) serta masing-masing satu lokaliti di Pulau Pinang, Perak dan Sarawak,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata surveilan chikungunya merekodkan sebanyak 21 kes pada ME ke-48 dengan 20 kes di Pulau Pinang dan satu kes di Selangor.

“Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 731 kes. Bagi surveilan zika, sebanyak 2,003 sampel darah dan 17 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan

hasil kesemuanya adalah negatif,” katanya.

**Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah 58,239 kes**